

BERITA HARIAN

DATE: 24/09/2007

# PM bayang pilihan raya umum lambat lagi

Oleh Saufi Hamzah

**K**UALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam tadi membayangkan pilihan raya umum ke-12 mungkin tidak akan diadakan dalam tempoh terdekat ini.

Presiden Umno yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu berkata, ia kerana kerajaan BN masih mempunyai mandat untuk memerintah negara sehingga 2009.

"Ini (pilihan raya umum) nanti dulu, kita ada mandat dua tahun lagi," katanya dalam temu bual menerusi rancangan 30 minit VIP Amani, yang

“*Ini (pilihan raya umum) nanti dulu, kita ada mandat dua tahun lagi*”

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

disiarkan melalui saluran 95 Astro.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan hos rancangan itu, Suhaimi Sulaiman, sama ada kestabilan ekonomi negara sekarang memberinya petunjuk dan ilham mempercepat pilihan raya umum.

Sebelum ini, pelbagai pihak menjangka pilihan raya umum akan diadakan dalam tempoh terdekat ini, malah ada yang meramalkannya pada November ini.

Ketua Penerangan Umno, Senator Tan Sri Muhammad Muhd Taib, juga menjelaskan parti itu sudah menggerakkan jentera untuk menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa.

BH-24/9/2007

Di KOTA BHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Perdana Menteri mengambil kira faktor rakyat menunaikan fardu haji dan musim tengkujuh sekiranya bercadang mengadakan pilihan raya umum ke-12 dalam waktu terdekat.

Beliau berkata, Abdullah perlu mengambil kira faktor musim haji akhir tahun ini, kerana jika pilihan raya diadakan pada waktu itu, ia boleh menafikan hak jemaah.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata akhir tahun juga bermakna pilihan raya berdepan dengan musim tengkujuh dan menyu-

karkan rakyat keluar mengundi.

Berdasarkan kepada perkembangan yang berlaku sekarang, beliau yakin pilihan raya umum akan diadakan dalam masa terdekat ini.

"Sekarang *feel good factor* bagi kerajaan dan jika tunggu lama lagi takut nanti timbul masalah besar dan sebab itu saya yakin pilihan raya akan diadakan dalam tempoh terdekat," katanya kepada *Bernama*.

Mengenai kematian Nurin Jazlin Jazimin, akibat penderaan seksual, Nik Aziz berkata, ia disebabkan manusia sudah tidak takut lagi kepada Allah hingga sanggup melakukan apa saja untuk kepuasan nafsu.